



JANUARI - APRIL  
BIL : 1 / 2023  
ISSN : 2232-1454



Sila Scan QR CODE  
untuk muat turun  
Buletin PPANS

# BULETIN PPANS

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN**

## PROGRAM KASHI RAMADAN



*Idea, Konsep Asat & Susunan : Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan*

[f](#) Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan [www.nslibrary.gov.my](http://www.nslibrary.gov.my) [ppans@ns.gov.my](mailto:ppans@ns.gov.my)

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
JALAN PERSIARAN S2 B2, SEREMBAN 2, 70300 SEREMBAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-7635989 / 06-7621308 Fax : 06-7635944



## SEULAS BICARA SEUNTAI KATA

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.  
Salam Malaysia Madani,  
Salam Negeri Sembilan,  
Bersih . Muafakat . Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kerana diberikan kesempatan untuk menulis sepatah dua kata dalam Buletin Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Bilangan 1 tahun 2023.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada sidang redaksi yang terlibat kerana berjaya menyempurnakan Buletin PPANS ini dengan jayanya. Tanpa kesungguhan dan komitmen yang tinggi sudah tentu buletin ini tidak dapat disiapkan seperti yang dirancang. Oleh itu, saya selaku Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Yang Maha Esa dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat kerana telah mempamerkan kesungguhan dalam menghasilkan buletin ini. Buletin PPANS ini merupakan dokumen yang merakamkan semua program dan peristiwa sepanjang bulan Januari hingga April untuk tatapan semua pembaca khususnya di Negeri Sembilan.

Menjadi harapan PPANS, semoga keluaran buletin ini dapat mengubah persepsi masyarakat akan kepentingan perpustakaan awam sebagai pusat ilmu pengetahuan yang berguna kepada semua pihak. Perpustakaan pada hari ini bukan sahaja hanya membekalkan buku kepada pengguna, malah peranannya lebih daripada itu. Pelbagai bentuk perkhidmatan dan program yang meliputi setiap peringkat usia dianjurkan oleh perpustakaan untuk dimanfaatkan oleh masyarakat khususnya Negeri Sembilan.

**Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis**

Pengarah  
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.



## ISI KANDUNGAN

MS

SIDANG EDITORIAL PPANS	02
LENSA PENGARAH	03
DIREKTORI PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN	04
BUKU TERKINI PPANS	05
SEJENAK BERSAMA MANTAN PENERUSI PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN	06
MAJLIS PERASMIAN HAB KITARECYCLE SWM ENVIRONMENT NEGERI SEMBILAN	07
PROGRAM REVOLUSI PERPUSTAKAAN	08
PERHIMPUNAN BULANAN WARGA KERJA PPANS BIL. 1/2023	09
MAJLIS SEJAMBAK KASIH SEKALUNG BUDI	10
SAMBUTAN HARI WANITA TAHUN 2023 MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)	11
PROGRAM KASIH RAMADAN	13-14
PROGRAM WORLD QURAN HOUR	15
WAGHIH MEMBACA	16-17
PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT	18
PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT	19
PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT	20

## PENASIHAT

**HAJAH JAMILAH @ CHUMILA BINTI HAJI KATIS**

Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam  
Negeri Sembilan Darul Khusus

## KETUA PENGARANG

**HAMDAN BIN HAJI NORDIN**

Timbalan Pengarah  
Perbadanan Perpustakaan Awam  
Negeri Sembilan Darul Khusus

## PENOLONG KETUA PENGARANG

**SITI NORSARIZA BINTI MAT RASHID**

Ketua Unit Korporat, PPANS

## GRUP BULETIN PPANS

Unit Korporat , PPANS	Unit Media
Unit Gerakan Membaca N.S	Unit Teknologi & Komunikasi
Unit Perolehan	Bahagian Pelanggan

## PENGEDARAN DAN PROMOSI

**YUSRIZAL BIN ANI**

Unit Korporat PPANS

## REKABENTUK &amp; PERCETAKAN

PERCETAKAN CAHAYA MURNI

## JURUFOTO

UNIT MEDIA PPANS

## DITERBITKAN OLEH

UNIT KORPORAT  
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS





9 JANUARI 2023  
MISI BANTUAN PASCA BANJIR KERAJAAN NEGERI SEMBILAN KE PANTAI  
TIMUR DI KEDIAMAN RASMI MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN



15 JANUARI 2023  
SEMARAK KASIH BERSAMA DYMM TUNKU AMPUAN BESAR NEGERI SEMBILAN  
DARUL KHUSUS DI DEWAN TUNKU AMPUAN NAJIHAH SRI MENANTI



19 JANUARI 2023  
MAJLIS PELANCARAN BULETIN PERKEP IPD PORT DICKSON DI GRAND  
BALLROMM LEXIS HIBISCUS, PORT DICKSON



2 FEBRUARI 2023  
MAJLIS SELUHUR BUDI KASIH ABADI  
PUSPANITA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DI KLANA RESORT, SEREMBAN



3 FEBRUARI 2023  
KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN  
MULTIMEDIA (SKMM) DI PERPUSTAKAAN NEGERI, SEREMBAN 2



11 FEBRUARI 2023  
FESTIVAL BAKAT PRA-SEKOLAH PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2023  
DI WISMA BANDARAYA SEREMBAN (MBS)



20 FEBRUARI 2023  
PROGRAM RAMAH MESRA BERSAMA BAKRIYAH NEGERI SEMBILAN DI  
PERPUSTAKAAN NEGERI, SEREMBAN 2



30 FEBRUARI 2023  
PROGRAM KAJIAN DAN KEILMUAN JELAJAH SERTA ZIARAH PUSAKA LUAK  
BERADAT LUAK TERACHI BERSAMA KETUA JABATAN NEGERI SEMBILAN  
DI TERACHI, KUALA PILAH



7 MAC 2023  
SAMBUTAN HARI WANITA 2023 DI PERPUSTAKAAN NEGERI,  
SEREMBAN 2



1 APRIL 2023  
PROGRAM SUMBANGAN BANTUAN OLEH SWM ENVIRONMENT SDN BHD  
DAN PPANS



## PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN



## PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN JEMPOL

- 📍 72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: pac\_jempol@nslibrary.gov.my
- ☎ No. Telefon : 06-458 5260



## PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN JELEBU

- 📍 71600 Kuala Klawang, Jelevu, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: pac\_jelevu@nslibrary.gov.my
- ☎ No. Telefon : 06-613 6175



## PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN P.DICKSON

- 📍 Lot 223, Jalan Baharu, Km 1, Jalan Pantai, 71000 Port Dickson, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: pac\_pd@nslibrary.gov.my
- ☎ No. Telefon : 06-647 7677



## PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN REMBAU

- 📍 Jalan Batu Hampar, 71300 Rembau, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: pac\_rembau@nslibrary.gov.my
- ☎ No. Telefon : 06-685 3302



## PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN K.PILAH

- 📍 Jalan Bukit, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: pac\_kualapilah@nslibrary.gov.my
- ☎ No. Telefon : 06-481 1461



## PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN TAMPIN

- 📍 Jalan Kelab, 73000 Tampin, Negeri Sembilan
- ✉ Email: pac\_tampin@nslibrary.gov.my
- ☎ No. Telefon : 06-441 1289



## PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN GEMAS

- 📍 Jalan Tok Sulong, 73400 Gemas, Negeri Sembilan
- ✉ Email: pacgemas@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 07-9482725

## PERPUSTAKAAN DESA

**Perpustakaan Desa Legong Ulu**  
Kg. Legong Ulu, 71350 Kota, Rembau, Negeri Sembilan.  
Email: desa\_legongulu@nslibrary.gov.my  
No. Telefon: 012-244 3067

**Perpustakaan Desa Titian Akar**  
Kg. Titian Akar, 71150 Linggi, Negeri Sembilan.  
Email: desa\_titianakar@nslibrary.gov.my  
No. Telefon: 06-696 6479

**Perpustakaan Desa Kg. Rendah**  
Kg. Rendah Rembau, 71300 Rembau Negeri Sembilan.  
Email: desa\_kgrendah@nslibrary.gov.my  
No. Telefon: 013-605 5781

**Perpustakaan Desa Air Hitam**  
Kg. Baru Felcra Air Hitam, 72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan.  
Email: perpustakaanendesaaairhitam@gmail.com  
No. Telefon: 06-4676099

**Perpustakaan Desa Serting Hilir Kompleks**  
72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan.  
Email: pdsertinghilir@yahoo.com  
No. Telefon: 06-4683024

**Perpustakaan Desa Felca Palong 7**  
73470 Pusat Bandar Palong, Negeri Sembilan.  
Email: pdfeldapalong7@gmail.com  
No. Telefon: 06-4646697

**Perpustakaan Desa Kg. Talang**  
Kg. Talang, 71500 Tanjung Ipoh, Negeri Sembilan.  
Email: pdtalang1@gmail.com  
No. Telefon: 011-20694430

**Perpustakaan Desa Seri Menanti**  
Dewan Tuanku Ampuan Najihah Negeri Sembilan.  
Email: sitihazidah@gmail.com  
No. Telefon: 06-4970133

**Perpustakaan Desa Simpang Pertang**  
d/a Balai Penghulu, 72300 Simpang Pertang, Jelevu, Negeri Sembilan.  
Email: norliza.abuzaid@yahoo.com  
No. Telefon: 06-4920073

**Perpustakaan Desa Kg. Chennah**  
Kg. Chennah, 71650 Titi Jelevu, Negeri Sembilan.  
Email: pdchennah@gmail.com  
No. Telefon: 06-6111058

**Perpustakaan Desa Air Kuning Selatan**  
73200 Gemenceh, Negeri Sembilan.  
Email: pdaks.2001@gmail.com  
No. Telefon: 06-447 8022

**Perpustakaan Desa Jelai 4**  
Jelai 4, 73480 Gemas, Negeri Sembilan.  
Email: pdj4.pact@gmail.com  
No. Telefon: 06-434 8973

**Perpustakaan Awam Pekan Mantin**  
Jalan Sekolah  
71700 Mantin, Negeri Sembilan.  
Email: hayatiismail1964@gmail.com  
No. Telefon: 06-757 1315

**Perpustakaan Awam Pekan Bahau**  
72100 Bahau, Negeri Sembilan.  
Email: librarybahau@gmail.com  
No. Telefon: 06-4542036

**Perpustakaan Tan Sri Abdul Kadir Yusuf**  
12 lot 15709, Tingkat bawah Jalan Bunga Raya 9, Pusat Perniagaan, 70400 Seremban, Negeri Sembilan  
Email: ptp.abdulkadiryusuf.1@gmail.com  
No. Telefon: 06-6791722

**Perpustakaan Islam Masjid Negeri**  
Bangunan Masjid Negeri, Jalan Dato' Hamzah, 70000, Seremban.  
Email: pinsmasjidnegeri@yahoo.com.my  
No. Telefon: 011- 2323 2868





## BUKU TERKINI DI PPANS



Judul : Allah's Little Star  
 No. Panggilan : J 398.80088297 ANA  
 Bahagian : Kanak- Kanak  
 Harga : RM 15.00  
 Penerbit : Aulad Read & Play,  
 Muka surat : 24 ms



Judul : Celik Mata Hati  
 No. Panggilan : 297.57 PAH  
 Bahagian : Pinjaman  
 Harga : RM 25.00  
 Penerbit : Galeri Ilmu Sdn. Bhd.  
 Muka surat : 224 ms



Judul : Sempurnanya Aku Denganmu  
 No. Panggilan : MF AZR  
 Bahagian : Pinjaman  
 Harga : RM 27.00  
 Penerbit : Penerbitan KaryaSeni Sdn Bhd  
 Muka surat : 519 ms



Judul : Sejarah Tingkatan 4&5 KSSM  
 No. Panggilan : R 959.50076 ZAM  
 Bahagian : Rujukan  
 Harga : RM 37.90  
 Penerbit : SASBADI  
 Muka surat : 423 ms



Judul : Minangkabau:  
 dari dinasti iskandar zulkarnain  
 hingga tuanku imam bonjol  
 No. Panggilan : KNS 305.899220598 AMI  
 Bahagian : Koleksi Negeri Sembilan  
 Harga : RM 75.00  
 Penerbit : Dewan Bahasa & Pustaka  
 Muka Surat : 684 ms

## ULASAN BUKU

Judul : Minangkabau: dari dinasti iskandar zulkarnain hingga tuanku imam bonjol


No. Panggilan : KNS 305.899220598 AMI  
 Bahagian : Koleksi Negeri Sembilan  
 Harga : RM 75.00  
 Penerbit : Dewan Bahasa & Pustaka  
 Muka Surat : 684 ms  
 PENULIS : Amir Sjarifoedin Tj. A.  
 SINOPSIS:

Minangkabau bukanlah sebuah kerajaan, tetapi lebih mendekati pengertian kebudayaan, di samping makna geografi dan etnik. Penduduk yang mendiami wilayah ini merupakan suku bangsa yang unik di Indonesia. Sistem kekeluargaan matrilineal menjadi identiti bagi masyarakat Minangkabau. Kini, etnik Minangkabau satu-satunya kelompok masyarakat matrilineal beragama Islam yang wujud di dunia.

Keunikan adat dan budaya Minangkabau menarik perhatian pengkaji asing untuk datang ke Sumatera Barat. Mereka juga tertarik dengan sistem matriark, sekaligus menganut agama Islam yang patriark.

Buku ini mengisahkan sejarah wilayah Minangkabau yang dikatakan bermula daripada dinasti Iskandar Zulkarnain hingga Tuanku Imam Bonjol. Diceritakan juga kisah kerajaan yang wujud di Minangkabau, daripada kerajaan Pasumayam Kota

Kota Batu hingga Kerajaan Pagaruyung; turut diketengahkan tentang adat dan kebudayaan yang menjadi amalan masyarakat Minangkabau seperti adat perkahwinan, tradisi tabuik dan sebagainya.



## GLOSARI ADAT

NEGERI SEMBILAN

REJAB LINGKUNGAN



Tindakan pegawai besar Undang menghukum berhubung dengan hutang piutang atas sabda Undang atau Penghulu; seperti merampas dan mensita harta tanah rumah orang yang berhutang. Besar akan mencacakkan rombak benderang undang atau penghulu di halaman rumah si piutang dan menyeru bahawa tanah itu dirampas atas nama Undang atau Penghulu. Pegawai ini akan mendapat sebahagian daripada wang denda yang dibayar oleh yang berhutang

Rujukan : Buku Glosari Adat Negeri Sembilan-Rujukan Lengkap Negeri Beradat





23 Disember 2022- Pihak SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) bersama-sama Majlis Bandaraya Seremban (MBS) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan telah menjalinkan kerjasama strategik bagi penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas dalam memperkasa dan mempertingkatkan gaya hidup hijau serta rendah karbon dengan melestarikan ilmu pengetahuan dan kemahiran berteraskan budaya Pengasingan Sisa Di Punca (SAS-Separation At Source), 3R (Reduce, Reuse, Recycle) dan pengurusan mampan sisa pepejal di Negeri Sembilan. PPANS tidak ketinggalan dalam menyampaikan maklumat melalui Fasiliti Penyediaan Pusat Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) yang disediakan oleh SWM Environment yang ditempatkan di Perpustakaan Negeri, Seremban 2 pada Januari 2023 nanti. Fasiliti ini bertujuan memberi kemudahan kepada orang ramai untuk mendapatkan maklumat asas berhubung amalan kitar semula dan cara pengurusan sisa pepejal yang sistematik di dalam suasana yang ceria dan menyeronokkan supaya gaya hidup hijau dapat diterapkan dalam kehidupan seharian.

Majlis Perasmian Hab KITAREcycle SWM Environment Negeri Sembilan telah dirasmikan YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus. Turut hadir YBhg. Puan Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan dan Ahli-Ahli Lembaga PPANS iaitu YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau, YB Puan Mary Josephine Prittam Singh, ADUN Rahang, dan Encik Razman bin Abd Rani, Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan wakil kepada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.





17 Januari 2023 - Seजार dengan perkembangan revolusi tentunya memberikan cabaran dan impak yang mencabar kepada perkembangan dunia digital lebih-lebih lagi dalam revolusi penggunaan gajet serta memperlihatkan penggunaan dunia digital secara dominan. Justeru, Perpustakaan sebagai penyampai maklumat akan terus relevan sejajar dengan perkembangan revolusi industri tersebut iaitu dengan melakukan perubahan serta mengambil pelbagai langkah dan pendekatan agar perpustakaan akan terus kekal menjadi Pusat Sumber Maklumat yang utama seterusnya menjadikan perpustakaan sebagai tempat yang menarik kepada pengguna khususnya generasi muda.

Sempena Sambutan Hari Keputeraan DYMM Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir Yang ke-75, Perpustakaan Awam Cawangan Kuala Pilah telah mengadakan Program Revolusi Perpustakaan bertempat di Dewan Tuanku Ampuan Najihah Seri Menanti. Program ini diadakan sebagai program tahunan di daerah Kuala Pilah sempena Hari Keputeraan DYMM Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir bagi mendedahkan masyarakat luar dengan prasarana terkini perpustakaan dengan membawa bahan-bahan digital dalam program tersebut

Pelbagai pengisian program dan aktiviti telah dilaksanakan antaranya:

- Pertandingan *Augmented Reality Colouring Contest*
- Pertandingan *E-sport FIFA 2022*
- Pertandingan *Simulator*
- *3Dwall Contest*
- Bengkel dan Pertandingan Robotik
- Pertandingan *Virtual Reality (VR)*
- Pertandingan Masakan Resepi dari Sumber Digital





30 Januari 2023 - PPANS telah mengadakan Perhimpunan Bulanan Warga Kerja Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Bil.1/2023 bertempat di D'Tempat Country Club, Bandar Sri Sendayan. YBrs. Puan Hajah Jamilah binti Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan telah bersama-sama warga PPANS dan beliau telah menyampaikan ucapan.



Dalam ucapan yang disampaikan dalam perhimpunan adalah sebagai penjawat awam seharusnya mengambil iltizam bahawa penyampaian perkhidmatan adalah sangat penting. Seterusnya, sebagai penjawat awam perlu menjalankan amanah dan tanggungjawab tanpa menjejaskan perkhidmatan serta tidak terlibat dengan sebarang aktiviti gejala rasuah. Seusai perhimpunan, program diteruskan dengan sesi ceramah yang bertajuk meningkatkan integriti dalam bekerja sebagai satu jihad agar peroleh keberkatan yang telah disampaikan oleh Ustaz Tengku Nor Iftah bin Tengku Jamil, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Khidmat Pengurusan (JHEINS).





30 Januari 2023 - Sebagai menghargai jasa dan khidmat bakti kepada kakitangan bersara, PPANS telah mengadakan Majlis Sejambak Kasih Sekalung Budi sempena persaraan kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan bertempat di D'Tempat Country Club, Bandar Sri Sendayan. Penyampaian cenderamata telah disampaikan oleh YBhg. Puan Hajah Jamilah binti Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan. Dalam ucapan, beliau turut merakamkan sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih atas khidmat bakti yang dicurahkan oleh kakitangan bersara selama berkhidmat di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan. Sesungguhnya segala usaha, kudrat dan pengorbanan yang telah disumbangkan secara langsung mahupun tidak langsung telah membantu dan mencorakkan PPANS di kedudukan pada masa ini.

Antara kakitangan yang diraikan adalah Puan Zuhaini binti Hj. Mohamad Nor, Penolong Pustakawan Gred S22, Puan Raja Meriam binti Raja Ismail, Pembantu Pustakawan Gred S22, Puan Nor Hayati binti Ismail, Pembantu Pustakawan Gred S22 dan Puan Siti Hazidah binti Manap, Pembantu Operasi N11.



PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN



PROGRAM SAMBUTAN HARI WANITA TAHUN 2023  
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN**

**BAKRIYAH NEGERI SEMBILAN**

**Sambutan HARI WANITA 2023**

*Disempurnakan Oleh*  
**YABhg. Datin Seri Hajah Wan Hasni Binti Wan Yusof**  
Yang Dipertua BAKRIYAH Negeri Sembilan

**7 MAC 2023 (SELASA)**  
**9.30 PAGI - 12.30 TENGAH HARI**  
**PERPUSTAKAAN NEGERI, SEREMBAN 2**

**KASIH WANITA**

**ANJURAN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN**

7 Mac 2023 – “KASIH WANITA” menjadi tema pada tahun ini yang menjadi singkatan kepada nilai keluarga merangkumi kasih sayang, akhlak atau peribadi mulia, sihat fizikal dan moral, berilmu dan harmoni. Saban tahun Hari Wanita disambut dengan penuh kemeriahan bagi mengangkat martabat dan perjuangan wanita kepuncak yang lebih tinggi dan meningkatkan kesedaran masyarakat betapa pentingnya sumbangan dan jasa wanita secara amnya. Komitmen, kesabaran, dan kecekalan wanita sebagai seorang isteri, seorang ibu, seorang anak memberi inspirasi pada masa kini. Justeru itu, hasil cetusan idea Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan iaitu YBhg. Puan Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS), Sambutan Hari Wanita Tahun 2023 telah diadakan di Perpustakaan Negeri, Seremban 2 dengan kehadiran perasmii iaitu YABhg. Datin Seri Hajah Wan Hasni binti Wan Yusof, Yang di-Pertua BAKRIYAH Negeri Sembilan.

Selain itu, turut hadir bersama dalam majlis iaitu YBhg. Datin Ruzaimah binti Mat Zin, Isteri kepada Pegawai Kewangan Negeri merangkap Ketua Biro Kebajikan BAKRIYAH Negeri Sembilan,

YBhg. Datin Siti Zunaizan binti Sallip, Isteri kepada Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Seremban, YBhg. Puan Rosrita binti Mohamad Nordin, Kurator Lembaga Muzium Negeri Sembilan, YBhg. Puan Hajah Mahaya binti Mohd Yassin, YBhg. Ustaz Norazman bin Amat, Ketua Kauselor Majlis Agama Islam Negeri Sembilan serta Ketua-ketua dan Wakil Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan.

Sekalung terima kasih buat YBhg. Drs. Shamsuddin bin Ahmad, Pengarah Lembaga Muzium Negeri Sembilan (LMNS) kerana pihak Lembaga Muzium Negeri Sembilan telah menaja jamuan makan iaitu makanan tradisi Negeri Sembilan yang dimasak khas oleh Ibu Soko Luak Adat Lingkungan yang diketuai oleh Ibu Soko Puan Maznah binti Udin kepada semua tetamu jemputan. Sesungguhnya, peranan Ibu Soko dalam kehidupan seharian perlu dihargai dan diperkenalkan dalam masyarakat. PPANS turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada Encik Azlan Shah bin Nazrudin, Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Negeri Sembilan (LPPKN) atas jalinan kerjasama LPPKN mengadakan pameran dan menyediakan kemudahan saringan kesihatan kepada para tetamu.

Pelbagai pengisian telah dilaksanakan antaranya:

- Bual Bicara :Hebatnya Wanita oleh YBhg. Tuan Haji Norazman bin Amat, Ketua Kaunselor Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS).
- Pendeklamasian Sajak oleh YBhg. Puan Hajah Mahaya binti Mohd Yassin, Sasterawan Negeri Sembilan.
- Perkhidmatan Saringan Kesihatan dan pameran oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Negeri Sembilan (LPPKN).
- Jualan barangan penjagaan kesihatan dan kecantikan diri, perkakas dapur oleh Persatuan Usahawan Wanita Cawangan Negeri Sembilan.
- Pameran gubahan bakul bunga oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.



PROGRAM SAMBUTAN HARI WANITA TAHUN 2023  
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN





## MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2022 PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN



Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022 Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan. Seramai 6 orang warga kerja Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022.

Penerima anugerah ialah Encik Mohd Azman bin Idris (Pembantu Pustakawan S26), Encik Yusrizal bin Ani (Pembantu Pustakawan S19), Puan Siti Hazidah binti Manap (Pembantu Operasi N11), Encik Mohd Izzuan Shafiq bin Rohaizat (Pembantu Operasi N11), Encik Abdul Hadi bin Anas (Pembantu Pustakawan S19), Puan Noor Azian binti Eisa (Pembantu Pustakawan S19). Majlis dan penyampaian sijil telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan. Turut hadir sama YBhg. Puan Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

Manakala, pada sesipetang pula majlis disaji dengan perkongsian yang bertajuk "INSPIRASI SYUKUR" oleh penceramah terkenal iaitu Mohd Syukur bin Ibrahim dari D STRIKE SOLUTION. Semoga penghargaan dan pengiktirafan ini dapat menjadikan kakitangan terus berkhidmat dengan cemerlang serta menyuntik semangat kepada seluruh warga kerja Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan yang lain agar membudayakan suasana bekerja dengan lebih cemerlang.





## PROGRAM KASIH RAMADAN ANJURAN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN DAN BAKRIYAH NEGERI SEMBILAN DENGAN KERJASAMA AGENSI KERAJAAN DAN SWASTA

11 April 2023-Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan dan BAKRIYAH Negeri Sembilan dengan kerjasama agensi kerajaan dan swasta telah menganjurkan Program Kasih Ramadan di Perpustakaan Negeri, Seremban 2. Tujuan program ini adalah membantu golongan yang kurang berkemampuan dengan memberi keperluan asas untuk menjalani bulan Ramadhan dengan lebih baik dan sebagai persiapan hari raya puasa yang bakal menjelang tiba. Majlis telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan. Majlis turut di hadiri oleh YABhg. Datin Seri Hajah Wan Hasni binti Wan Yusof, Yang di-Pertua BAKRIYAH Negeri Sembilan, YBhg. Puan Hajah Jamilah binti Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Ahli Lembaga PPANS, Ketua-ketua dan Wakil Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, Ahli Jawatankuasa BAKRIYAH Negeri Sembilan serta rakan kerjasama dari agensi kerajaan dan swasta.

1.	BAKRIYAH NS
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan
3.	NIOSH Malaysia
4.	Tenaga Nasional Berhad
5.	Telekom Malaysia Berhad
6.	Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS)
7.	Jabatan Pertanian Negeri Sembilan
8.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Negeri Sembilan (KWSP)
9.	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Negeri Sembilan (LPPKN)
10.	Lembaga Muzium Negeri Sembilan
11.	CIDB Negeri Sembilan
12.	PERKESO Negeri Sembilan
13.	Kementerian Dalam Negeri, Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan Negeri Sembilan
14.	Pejabat FAMA Negeri Sembilan
15.	Pertubuhan Peladang Negeri Sembilan
16.	Hotel Sutera, Seremban 2
17.	NS Invest

Di bawah NS Invest terdapat 13 penyumbang dari kilang dan syarikat:

- Negeri Sembilan Cement Industries (CIMA)
- Hotel Klana Resort Seremban
- Geomaju Sdn Bhd
- Faiza Marketing SdnBhd
- Jakel Trading Senawang
- Coca – Cola Bottlers (M) SdnBhd
- Kellogg Asia Product (M) SdnBhd
- Mahsuri Food SdnBhd
- MacFood Services (M) SdnBhd
- Sunshine Bread Sdn Bhd
- Ajinomoto (Malaysia) Berhad
- Fraser & Neave (F&N) Holdings Bhd
- Nestle Product Sdn Bhd





**PROGRAM KASIH RAMADAN ANJURAN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM  
NEGERI SEMBILAN DAN BAKRIYAH NEGERI SEMBILAN  
DENGAN KERJASAMA AGENSI KERAJAAN DAN SWASTA**



PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN





Amalan membaca kitab suci al-Quran memberi 1,001 manfaat dan syafaat bagi masyarakat Islam untuk mencapai kejayaan serta kecemerlangan di dunia mahupun di akhirat. Justeru, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) menyambut baik Program World #QuranHour yang diadakan secara serentak di seluruh dunia hari ini, melalui World #QuranHour.

Pada tahun ini, surah al-Insan dipilih dengan membawa tema 'memanusiakan manusia' melalui agenda "Humanising the Home, Humanising the Workplace, Humanising the Nation serta Humanising the World".

Majlis yang berlangsung dari jam 12 tengah hari hingga 1 petang itu memperdengarkan bacaan surah dan tafsir surah al-Insan yang dipimpin oleh Encik Mohd Nizam bin Yunus, Pegawai Perpustakaan Awam Negeri Sembilan. Program yang bermula sejak 2015 itu juga dilihat sebagai usaha menggalakkan umat Islam berinteraksi dengan al-Quran agar mereka sentiasa membaca, memahami dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.















9 JANUARI 2023

MENYAMPAIKAN HADIAH KEPADA PARA PEMENANG PERTANDINGAN BOLASEPAK SERTA KEJOHANAN BOLA JARING PIALA YABHG. DATIN SERI HAJAH WAN HASNI DAN PERTANDINGAN E-SUKAN TABAH NS



14 JANUARI 2023

MENGHADIRI ISTIADAT PENGURNAIAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT SEMPENA HARI KEPUTERAAN KE-75 DYMM YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN, TUANKU MUHRIZ IBNI ALMARHUM TUANKU MUNAWIR



19 JANUARI 2023

MERASMIKAN PERTANDINGAN TULISAN KALIGRAFI CINA SEMPENA TAHUN BARU CINA SEKOLAH TINGGI CHUNG HUA SEREMBAN.



8 FEB 2023

MAJLIS MEMPERKENALKAN PEMAIN-PEMAIN PASUKAN HOKI WANITA NEGERI SEMBILAN DI KLANA RESORT, SEREMBAN





15 FEBRUARI 2023

MAJLIS APRESIASI KEWANGAN TAHUN 2022 DI KLANA RESORT, SEREMBAN



25 FEBRUARI 2023

MAJLIS PENUTUP BENGKEL FIQH AL-MIZAN DAN MAJLIS PELANCARAN INISIATIF GURU-GURU TAKMIR NEGERI SEMBILAN DI KLANA RESORT, SEREMBAN



9 MAC 2023

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DI D'TEMPAT COUNTRY CLUB, BANDAR SRI SENDAYAN



17 MAC 2023

MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ YAYASAN NEGERI SEMBILAN KE-9





29 MAC 2023

PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA 129 ORANG PENERIMA YANG TERDIRI DARIPADA ASNAF MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN (MAINS) DAN JUGA ASNAF SERTA ANAK-ANAK YATIM KARIAH MASJID DATO' KLANA PETRA LELA MOHD YUSOF, SIKAMAT.



7 APRIL 2023

MAJLIS PELANCARAN JUALAN RAHMAH PERINGKAT NEGERI SEMBILAN DI PEKARANGAN FAMILY STORE SIKAMAT, SEREMBAN



20 APRIL 2023

MERASMIKAN KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA DAN OPS BERSEPADU HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2023.



23 APRIL 2023

MENGHADIRI MAJLIS RUMAH TERBUKA SEMPENA AIDILFITRI 1444H DI BALAI RASMI UNDANG LUAK JOHOL